

**NO. SOALAN: 271**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[PETALING JAYA UTARA]**

**SOALAN :**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan jadual dan jumlah perbelanjaan, jumlah rakyat Malaysia yang mengambil bahagian dan jumlah dalam program TalentCorp untuk setiap tahun sejak ia ditubuhkan. Adakah wujudnya pihak yang pulang semula ke negara asal setelah pulang ke Malaysia dan apakah sebab dan statistiknya.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak ditubuhkan pada 2011, TalentCorp bertindak menangani isu keperluan tenaga berkemahiran tinggi dalam negara melalui kerjasama efektif (*effective partnership*) bersama sektor awam dan swasta serta memberi fokus kepada empat inisiatif iaitu:
  - a. **Pertamanya**, meningkat kebolehpasaran graduan tempatan;
  - b. **Kedua**, menggalakkan kepelbagaian bakat khususnya modal insan wanita;
  - c. **Ketiga**, memudahcara kepulangan profesional Malaysia di luar negara; dan
  - d. **Keempat**, memudahcara bakat asing berkemahiran tinggi untuk terus bekerja di Malaysia.
2. Jumlah peruntukan dan kejayaan inisiatif TalentCorp sejak penubuhan dari 2011 hingga 2013 boleh dilihat seperti berikut:

<b>Peruntukan</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
Perbelanjaan Operasi*	RM15 juta	RM20 juta	RM30 juta
<b>Tenaga Mahir Dalam Negara</b>			
Program Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan	6,034	1,309	101
Program Latihan Industri Berstruktur ( <i>Structured Internship Prorgramme</i> )	10,824 penempatan	12,287 penempatan	Pengumuman Pelaksanaan
<b>Tenaga Mahir Malaysia Di Luar Negara</b>			
Inisiatif <i>Scholarship Talent Attraction &amp; Retention</i> (STAR)	424	169	200
<i>Returning Expert Programme</i> (REP)	900	923	680
<b>Tenaga Asing Berkemahiran Tinggi</b>			
<i>Residence Pass Talent</i> (RP-T)	859	848	500

\*Peruntukan perbelanjaan operasi ini disokong oleh peruntukan perbelanjaan pembangunan berdasarkan kelulusan peruntukan belanjawan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi memastikan profesional Malaysia yang kembali melalui *Returning Expert Programme* (REP) kekal berkhidmat lebih lama di Malaysia, kemudahan REP telah beberapa kali diberi penambahbaikan dan semakan semula. Tumpuan dan penekanan juga diberikan terhadap kualiti profesional warga Malaysia yang kembali ke tanahair melalui program tersebut. Ini selaras dengan matlamat untuk memastikan kemudahan REP yang tepat bagi menyasarkan modal insan yang sesuai sebagaimana yang diperlukan untuk memacu ETP.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini pada asalnya memberikan pengecualian cukai bagi pembelian 2 buah kenderaan pemasangan tempatan (CKD) atau 2 buah kenderaan

import sepenuhnya (CBU). Namun, setelah dikendalikan oleh TalentCorp bermula tahun 2011, kemudahan pengecualian cukai bagi kenderaan telah dikurangkan kepada hanya 2 buah kenderaan CKD dan kadar rata cukai pendapatan sebanyak 15% selama 5 tahun telah diperkenalkan berserta kemudahan lain. Seterusnya mulai 16 April 2014 pula, pengecualian cukai bagi pembelian 2 buah kenderaan CKD telah dikurangkan lagi kepada sebuah kenderaan CKD atau CBU dengan had pengecualian cukai sehingga RM150,000 sahaja di samping kadar rata cukai pendapatan sebanyak 15% selama 5 tahun.

5. Perubahan ini mengambil kira bahawa kemudahan pengecualian cukai kenderaan yang diberikan adalah bersifat *one-off*, dengan izin, manakala kemudahan kadar rata bagi cukai pendapatan pula boleh dimanfaatkan dalam tempoh 5 tahun untuk mengekalkan khidmat penerima REP di Malaysia dalam jangka masa panjang.
6. Syarat kelayakan REP juga telah diperketatkan dan dinaikkan dengan set kriteria yang lebih menyeluruh untuk memastikan kualiti penerima-penerima REP. Sebagai contoh, pengalaman kerja di luar negara bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda telah dinaikkan dari 6 tahun kepada 8 tahun berserta pendapatan minimum yang setara dengan RM20,000 sebulan.
7. Semakan menyeluruh akan dibuat dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia bagi mengenalpasti status pemohon yang telah diluluskan dan yang telah menuntut insentif dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan REP.

Tuan Yang di-Pertua,

8. TalentCorp akan terus melipatgandakan usaha melalui pelbagai pendekatan dalam melaksanakan mandat untuk memudahcara keperluan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan dalam sektor ekonomi utama negara bagi memacu ETP dalam mencapai matlamat menjadikan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sehubungan ini, walaupun TalentCorp lebih dikenali dengan usaha memudahkan kepulangan profesional warga Malaysia di luar negara, peranan dan usaha yang lebih besar akan turut diberikan untuk membangun dan memanfaatkan secara optimum bakat yang tersedia di tanahair.

Sekian, terima kasih.